



# SOCIAL ENTREPRENEURSHIP AND COMMUNITY ENGAGEMENT : TRANSFORMING SOCIETIES

<http://www.ism.gov.my/>



# **Pembangunan Komuniti Berorientasikan Keusahawanan Sosial: Kajian Kes Organisasi Bukan Kerajaan di Malaysia**

**Marwan Bin Ismail  
Wan Yusoff Bin Wan Shaharuddin  
Universiti Malaysia Kelantan**

## **Pengenalan**

Secara umumnya, kajian pembangunan komuniti melalui pendekatan keusahawanan sosial dalam kalangan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) merupakan fokus kajian yang sedang mengalami perkembangan di peringkat antarabangsa, terutamanya di negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain dan rantau Eropah. Oleh itu, fokus kajian ini adalah untuk meneroka mengenai Organisasi Bukan Kerajaan yang terlibat dalam program pembangunan komuniti menerusi strategi keusahawanan sosial di Malaysia. Fokus utama, adalah mengenai amalan keusahawanan sosial dalam kalangan NGO iaitu bagi mengenal pasti sejauh manakah NGO mampu berdikari untuk terus kekal sebagai organisasi untuk membantu masyarakat yang memerlukan seperti penagih dadah, ibu tunggal, warga tua, takir miskin, orang kurang upaya (OKU), orang Asli dan sebagainya.

Strategi keusahawanan sosial merupakan suatu pendekatan yang boleh dipertimbangkan memandangkan beban kewangan yang diperuntukkan untuk melaksanakan program pembangunan komuniti adalah tinggi. Merujuk kepada perbelanjaan kerajaan sepanjang tahun 2011, sejumlah RM1.4 bilion telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan komuniti bagi membantu golongan yang memerlukan (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, <http://www.jkm.gov.my>). Manakala, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah memperuntukkan sejumlah RM 2.1 bilion pada tahun 2012 dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia (Kosmo, 21 Disember 2011). Data-data ini menunjukkan bebanan kewangan yang cukup besar telah dibelanjakan oleh sektor kerajaan untuk melaksanakan program pembangunan komuniti di Malaysia. Selain itu, kebanyakan NGO di Malaysia banyak bergantung kepada sumbangan derma dan geran sama ada daripada pihak persendirian, swasta atau kerajaan dalam inisiatif melaksanakan program berbentuk pembangunan komuniti, khususnya dalam kalangan NGO yang berorientasikan kebajikan.

Sumbangan yang berbentuk “pemberian sekali sahaja” dilihat menjadi isu kerana boleh membantutkan perkembangan program pembangunan komuniti sama ada dalam konteks organisasi mahupun kelompok sasaran (Temubual bersama para informan Yayasan Kemiskinan Kelantan, Islamic Outreach ABIM, Yessuvan Mehligai). Oleh itu, kajian juga cuba untuk mengenal pasti sejauh mana aspek orientasi keusahawanan sosial ini jadikan strategi penjanaan pendapatan organisasi bagi tujuan mengatasi permasalahan sosial dan ekonomi di dalam masyarakat. Dengan demikian, konsep orientasi keusahawanan sosial yang dipilih oleh pengkaji dalam perbincangan ini adalah mengenai


7. **The Role of ‘Teacherpreneurs’ In Entrepreneurial Education** 83  
*Dileep Kumar M.*

## PART III: SOCIAL TRANSFORMATION

8. **Pelaksanaan ‘Integrity Pact’ sebagai Satu Mekanisme Transformasi Pengukuhan Integriti Sektor Awam** 90  
*Al-Azmi Bakar, Alauddin Sidat*
9. **Kepentingan Integrasi Zakat dan Kewangan Mikro Islam : Tinjauan Program Pembangunan Usahawan Asnaf di Shah Alam** 101  
*Hamdino Hamdan, Pazim @ Fadzim Othman*
10. **Faham Keusahawanan Islam dan Kelestarian Alam Sekitar: Satu Pandangan Islam** 118  
*Azrina Sobian, Muhammad Hisyam Mohamad*

## PART IV : COMMUNITY INVOLVEMENT

11. **Keusahawanan Sosial : Kajian Kes Persatuan Anak-Anak Yatim dan Ibu Tunggal Kampung Medan, Selangor** 138  
*Abdul Wahid Jais, Faezah Kassim*
12. **Anjakan Paradigma Perkhidmatan Kesukarelawanan ke Arah Keusahawanan Sosial** 146  
*Khadijah Alavi, Al-Azmi Bakar, Baharudin Mohamad, Khor Siew Yee*
13. **Pembangunan Komuniti Berorientasikan Keusahawanan Sosial: Kajian Kes Organisasi Bukan Kerajaan di Malaysia** 157  
*Marwan bin Ismail, Wan Yusoff Wan Shaharuddin*



Lot PT 13856,  
Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban,  
Km 6 Taman Salak Selatan,  
57100 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,  
Malaysia  
+60 3-7987 3044

ISBN 978-967-5472-22-0

9 789675 472220



Lot PT 13856,  
Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban,  
Km 6 Taman Salak Selatan,  
57100 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,  
Malaysia  
+60 3-7987 3044

ISBN 978-967-5472-22-0

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-5472-22-0.

9 789675 472220